

## Analisis Sistem Sapaan Dalam Forum Wacana Sinar Harian

### *Analysis of address system in the Forum of Wacana Sinar Harian*

Ab Razak Ab Karim<sup>1</sup>, Abd Ganing Laengkang<sup>2</sup> & Riduan Makhtar<sup>3</sup>

|              |                  |                    |
|--------------|------------------|--------------------|
| Terima       | Wasit            | Muat Naik e-Jurnal |
| 17 OGOS 2018 | 24 DISEMBER 2018 | 30 DISEMBER 2018   |

#### ABSTRAK

*Kajian ini meneliti penggunaan sistem sapaan dalam tiga Forum Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karang kraf. Sistem sapaan dalam bahasa Melayu amat unik kerana terdapat pelbagai sistem gelaran dan panggilan berdasarkan status sosial. Kajian ini melihat bahawa sistem sapaan yang diamalkan oleh ahli forum tersebut merupakan satu bentuk kesantunan berbahasa kerana menghormati gelaran dan status sosial seseorang. Selain itu, sistem sapaan turut berupaya mewujudkan kemesraan dalam kalangan ahli forum. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti lima jenis sapaan dalam forum tersebut, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, sapaan sahabat, dan sapaan nama. Hasil menunjukkan jumlah keseluruhan kekerapan sapaan bagi ketiga-tiga rakaman adalah sebanyak 609 kali. Dari segi strategi, jumlah kekerapan tertinggi ialah sapaan gelaran (363), diikuti di tempat kedua oleh sapaan saudara (124), tempat ketiga ialah sapaan umum (56). Kedudukan keempat pula ialah sapaan nama (38) dan sapaan sahabat berada di tempat terakhir (28). Berdasarkan dapatan ini, kajian menyimpulkan bahawa ahli forum lebih cenderung menggunakan sapaan gelaran. Hal ini menggambarkan mereka sentiasa menghormati gelaran-gelaran yang diterima oleh orang lain. Selain itu, jumlah kekerapan sapaan saudara yang tinggi turut menggambarkan bahawa ahli forum menganggap forum tersebut sebagai satu perbincangan atas dasar persaudaraan. Secara keseluruhannya, nilai kesantunan berbahasa dalam ketiga-tiga forum itu adalah tinggi. Namun demikian, kajian ini mencadangkan agar ahli forum perlu sentiasa meningkatkan amalan sapaan ketika berforum agar forum sentiasa lebih harmoni.*

**Kata kunci:** sapaan, kesantunan, ahli forum, Sinar Harian, keharmonian.

#### ABSTRACT

*This study examined the use of address system in the three Forum of Wacana Sinar Harian, organized by Karang kraf. Address system in Malay is unique because there are various of honorific system based on social status. This study perceives that the address system practiced by forum members is a form of politeness as it respects the title and social status of other members. In addition, the address system is also able to create an intimacy among the forum members. In this study, the researchers have identified five types of address system in the forum, namely honorific address, general address, 'saudara' address, friend address, and name address. Results shown that the total number of address system for all three forum are 609 times. In terms of strategy, the highest number of frequencies is honorific address (363), followed by 'saudara' address (124), third place is general address (56). The fourth is the name address (38) and the friend address is in the last place (28). Based on this finding, the study concluded that forum members are more tend to use the honorific address. This findings illustrates that panel of the forum were always respect the honorific word received*

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, UM. E-mel: abrazak@um.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, KUIS. E-mel: abdulganing@kuis.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, KUIS. E-mel: riduan@kuis.edu.my.

by others. In addition, the high frequencies of 'saudara' address are also illustrates that forum members regard the forum as a brotherhood discussion. Overall, the value of politeness in the three forums are high. However, this study suggests that forum members should always improve the practice of address system to create a more harmony forum.

**Keyword:** address system, politeness, forum members, Sinar Harian, harmony.

## Pengenalan

Budaya sesuatu kaum dapat dilihat melalui sistem bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, sistem sapaan menggambarkan sikap orang Melayu yang menghormati dan menghargai orang lain. Kamus Dewan (2007:1390) mendefinisikan sapaan sebagai teguran, ajakan untuk bercakap-cakap. Noriati Abd Rashid telah meneliti sistem sapaan sebagai salah aspek kajian kesantunan berbahasa dalam majlis pertunangan orang Melayu. Menurut beliau, sistem sapaan merupakan satu bentuk sapaan hormat. Abd Ganing (2010) turut mengaplikasikan sistem sapaan yang diperkenalkan oleh Noriati sebagai satu aspek kesantunan berbahasa dalam ceramah motivasi. Abd Ganing memperlihatkan beberapa penanda sapaan yang sering digunakan dalam ceramah motivasi, iaitu *yang saya hormati, yang saya muliakan, anak-anak, adik-adik dan* sebagainya. Menurut beliau, ungkapan sapaan, seperti *anak-anak dan adik-adik* merupakan ungkapan yang sopan kerana menganggap pendengar-pendengar sebagai anak sendiri, atau adik sendiri.

Secara umumnya, kajian ini menerima konsep sapaan yang diperkenalkan oleh Noriati untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Kajian menerima bahawa sistem sapaan adalah sebahagian daripada konsep kesantunan berbahasa. Hal ini kerana sistem sapaan melambangkan sikap menghormati dan menghargai status sosial seseorang. Selain itu, dalam konteks komunikasi, sistem sapaan berupaya mewujudkan keharmonian dan keselesaan antara penutur dan pendengar. Data kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu, seperti kajian Noriati dan Abd Ganing. Kajian ini melibatkan forum atau perbincangan terbuka yang dihadiri oleh pelbagai pihak yang mempunyai pangkat dan gelaran, sama ada moderator, ahli panel atau pendengar. Oleh sebab itu, penanda linguistik untuk menunjukkan sapaan hormat juga berlainan dengan kajian Abd Ganing (2010) dan Noriati Ab Rashid (2005). Kajian ini akan mengambil kira gelaran anugerah yang diterima seseorang, seperti, gelaran Doktor Falsafah (*Dr.*), *Dato, Dato Sri, Datuk, Yang Berhormat, ustaz* dan sebagainya. Selain itu, sapaan hormat, seperti saudara, saudari, tuan, puan, sahabat juga dianggap sebagai amalan kesantunan berbahasa.

Kajian ini penting untuk dilakukan kerana dapat melihat sejauh mana ahli forum mengamalkan sistem sapaan ketika berforum. Kajian ini dapat mengenal pasti bentuk-bentuk sapaan yang dominan dalam forum tersebut. Selain itu, penyelidikan ini dapat mengenal pasti kecenderungan sikap dalam kalangan ahli panel ketika berbahas. Akhir sekali, kajian ini dapat memberi gambaran keseluruhan tentang darjah kesantunan dalam Forum Wacana Sinar Harian.

## Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk:

1. Mengetahui jenis-jenis sapaan dalam kalangan ahli forum.
2. Mengetahui kekekapan penggunaan sapaan dalam kalangan ahli forum.

## **Kaedah dan Bahan Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan bersifat analisis kandungan terhadap kekerapan dan jenis-jenis sapaan dalam forum Wacana Sinar Harian. Analisis ini menggunakan kerangka konsep kesantunan yang diperkenalkan oleh Noriati Ab Rashid (2005). Noriati melihat sistem sapaan sebagai salah satu jenis kesantunan berbahasa. Data kajian ini dipetik daripada rakaman forum Wacana Sinar Harian, yang dianjurkan oleh Karangkraf. Rakaman kajian ini ditranskripsi bagi memudahkan analisis lakuan. Sebanyak tiga rakaman telah ditranskripsi. Berikut ialah tiga rakaman yang dianalisis.

### **Rakaman 1: Peranan Ulama Menasihati Pemimpin**

Rakaman 1 bertajuk *Peranan Ulama Menasihati Pemimpin* dan forum ini merupakan siri wacana ke-15. Forum ini dipengerusikan oleh Dr. Maszlee Malik, pensyarah di Kulliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ahli panel pula terdiri daripada tiga orang, iaitu (i) YBhg Datuk Dr. Siddiq Fadzil, bekas Presiden ABIM dan Presiden WADAH, (ii) YBhg Dato Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, bekas Mufti Perlis, dan (iii) saudara Shahrin Md Jamaluddin, Exco Gerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pengerusi Biro IPT Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 jam 28 minit dan seramai enam orang penyoal. Wacana ini diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Lot 2 Jalan Sepana, 15/3 Off Persiaran Selangor, Seksyen 15 Shah Alam.

### **Rakaman 2: Apa di Sebalik 1MDB**

Rakaman 2 bertajuk *Apa di Sebalik 1MDB* dan ia diadakan pada 18 Mac 2015 di Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Seksyen 15, Shah Alam. Moderator bagi forum ini ialah Dr Maszlee Malik, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tiga ahli panel, iaitu (i) Yang Berhormat Rafizi bin Ramli, Ahli Parlimen dan Naib Presiden PKR, (ii) Datuk Khairul Anwar Rahmat, Pengerusi SukaGuam Malaysia, dan (iii) Prof Madya Azmi Hassan, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 jam 33 minit 42 Saat, dan seramai 8 orang penyoal.

### **Rakaman 3: Politik: Perjuangan atau Populariti**

Rakaman 3 merupakan siri Wacana Sinar Harian ke-45 dan ia diadakan pada 27 Februari 2017. Rakaman ini dipengerusikan oleh Datuk Dahlan Maamor dan terdiri daripada 4 ahli panel, iaitu (i) Datuk Sri Jamal Md Yunus, Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, (ii) Saudara Mohd Razdzlan Jalaluddin, Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan, Malaysia, (iii) Saudara Shahril Hamdan, Exco Pemuda Umno Malaysia, (iv) Saudara Md Shukri Shuib, Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Forum ini diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd, dan durasi rakaman ini ialah 1 jam 51 minit. Seramai 3 orang penonton mengemukakan soalan dalam forum ini.

## **Kerangka Konsep**

Noriati Abd Rashid (2005) memperkenalkan kategori berhemah sebagai satu bentuk kesantunan berbahasa. Kajian ini menerima konsep tersebut untuk menganalisis penggunaan sistem sapaan dalam forum Wacana Sinar Harian. Kategori berhemah berkonsepkan amalan lemah lembut dan rasa hormat terhadap seseorang. Kajian Noriati mendapati sapaan

diamalkan semasa memulakan perbincangan. Abd Ganing (2010) yang mengkaji kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi pula memperlihatkan bahawa amalan sapaan dalam ceramah diucapkan pada setiap bahagian ceramah. Kajian ini memperincikan sistem sapaan yang wujud dalam forum Wacana Sinar Harian kepada lima jenis sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, sapaan sahabat, dan sapaan nama.

### i. Sapaan Gelaran

Pemberian atau penganugerahan gelaran kepada seseorang diamalkan di negara ini. Sapaan gelaran ini bermaksud sistem sapaan yang diterima oleh seseorang kerana pencapaian dan sumbangan yang telah dicurahkan. Dalam konteks ini, terdapat dua jenis gelaran, iaitu gelaran ikhtisas dan gelaran anugerah. Gelaran ikhtisas ialah gelaran berdasarkan pencapaian akademik atau jawatan akademik, seperti gelaran *Doktor* (doktor falsafah atau doktor perubatan), Profesor Madya, profesor, profesor Diraja, profesor emeritus, profesor ulung, dekan, naib canselor, rektor dan sebagainya. Gelaran anugerah pula adalah seperti gelaran Yang Berhormat, Datuk, Dato', Dato Sri, Tun, Tan Sri, dan sebagainya. Senarai ayat berikut menunjukkan penggunaan sapaan gelaran dalam forum Wacana Sinar Harian.

1. ...**Dr Asri**, kita pergi ruang tu ada. **Dr.** pernah menjadi Mufti. (R1:A24).
2. ...yang seperti **Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh** ... (R2:B4).
3. siasatan forensik yang disebut oleh **Tun Mahathir** yang...(R2:B181)
4. Baik, daripada **Datuk Jamal** saya nak terus kepada saudara.. (R3:C33).
5. agak tak berapa setuju dengan **Datuk Khairul**. Bagi saya sendiri... (R2:B208).

Dalam kajian ini, analisis mendapati sistem sapaan gelaran yang digunakan oleh ahli forum tidak semestinya ditujukan kepada ahli forum yang hadir. Terdapat penggunaan sapaan gelaran ditujukan kepada pihak ketiga atau pihak yang tidak hadir dalam forum. Contoh 2 dan contoh 3 di atas memperlihatkan penggunaan sapaan gelaran untuk pihak ketiga. Keadaan ini menunjukkan bahawa ahli forum sentiasa menghormati gelaran seseorang. Dalam konteks ini, penggunaan sapaan gelaran untuk pihak ketiga ini dilihat sebagai satu bentuk kesantunan berbahasa kerana mereka sentiasa menghormati jasa dan pengorbanan seseorang.

### ii. Sapaan Umum

Sapaan umum merujuk kepada sapaan secara umum atau sistem sapaan berdasarkan sistem budaya sesuatu masyarakat. Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa sistem sapaan umum, seperti tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari, encik, tuan, 'pak, abang, adik, dan sebagainya. Biasanya sapaan ini boleh ditujukan kepada seseorang individu atau kepada satu sekumpulan orang.

1. ...saya akan serahkan kepada **tuan-tuan** untuk hanguskan mereka (R1:A1).
2. ...soalan tersebut. Ok silakan yang pertama, ok **Pak Shukur** nombor (R1:A50).
3. kepada **tuan-tuan dan puan-puan** yang ada dekat dewan ini untuk ... (R2:B1).
4. ... bawa pandangan **saudara-saudari** kepada jenis-jenis pelaburan... (R2:B18).
5. Sinar Harian. Dah bersedia ka **tuan-tuan** yang nak bertanya soalan? ... (R3:C90)

Lima contoh di atas memperlihatkan penggunaan sapaan umum. Contoh 1 dan contoh 5 menggunakan penanda rujukan sapaan umum, iaitu *tuan-tuan*, manakala contoh 3 pula menggunakan *tuan-tuan dan puan-puan*. Contoh 2 pula menggunakan kata sapaan *Pak*

manakala contoh 4 menggunakan sapaan umum *saudara-saudari*. Penggunaan ini menunjukkan penutur berkomunikasi langsung kepada pendengar dengan menggunakan sapaan yang baik. Hal ini dilihat sebagai satu bentuk amalan kesantunan berbahasa kerana menyapa hadirin dengan bahasa yang tepat.

### iii. Sapaan Saudara

Lazimnya, penggunaan sapaan *saudara* atau *saudari* digunakan untuk menyapa rakan-rakan sebaya atau mempunyai taraf umur yang lebih kurang sama. Dalam konteks bahasa dan budaya Melayu, sapaan saudara juga sering digunakan kepada orang yang baharu dikenali atau digunakan dalam situasi rasmi. Penggunaan sapaan saudara dan saudari ini merupakan satu penanda sapaan yang santun kerana ia merupakan tanda hormat kepada seseorang.

1. ... agama rakyat yang **saudara** Abbas mengaitkannya dengan JQAF. (R1:A81)
2. .. saya ni penggemar puisi **saudara moderator**. Puisi oleh seorang ... (R1:A2).
3. Jadi bagaimana ini erm apa cuma dah **saudara** sebut Melayu ... (R1:A44)
4. Ok, **saudara** Azmi sila jawab soalan-soalan yang diberikan ... (R2:B27)
5. ...sahabat saya **saudara Shahril** apabila mengatakan keadilan... (R3:C223)

Kajian ini mendapati penggunaan saudara ini ditujukan kepada ahli panel dan penyوال. Selain itu, terdapat juga ahli panel yang menggunakan sapaan saudara kepada seseorang ahli panel yang lain bagi menggantikan sapaan gelaran. Contoh 2 di atas memperlihatkan ahli panel lain menyapa Dr. Maslee Malik yang menjadi moderator dengan sapaan *saudara*. Begitu juga dengan contoh 4, iaitu sapaan *saudara* ditujukan kepada Prof. Azmi, tanpa gelaran profesor. Keadaan ini menggambarkan bahawa ahli forum berusaha untuk mewujudkan suasana kemesraan dalam kalangan mereka. Penggunaan saudara ini akan lebih akrab kerana menganggap ahli forum yang lain adalah bersaudara walaupun bertentangan pandangan dan pemikiran. Oleh itu, penggunaan sapaan saudara mempunyai nilai kesantunan yang sangat tinggi.

### iv. Sapaan Sahabat

Kajian ini turut melihat penggunaan perkataan *sahabat* dalam forum adalah sebahagian daripada amalan kesantunan berbahasa. Sapaan sahabat sedikit berbeza dengan sapaan saudara. Sapaan saudara lebih kepada konsep persaudaraan, manakala sapaan sahabat lebih kepada persahabatan. Dari segi jarak sosial, kajian ini melihat penggunaan sapaan sahabat lebih dekat dan lebih akrab berbanding dengan sapaan *saudara*. Sapaan saudara masih ada jarak sosial kerana ia juga boleh ditujukan kepada orang yang baharu dikenali. Namun demikian, terdapat ahli forum menggunakan kedua-duanya sekali, seperti contoh 4 dan contoh 5 di bawah.

1. ... **Sahabat saya** al-fadhil Dr Maszlee kami kenal lama dah ... (R1:A4)
2. ... dengan **sahabat-sahabat** panel gandingan yang hebat-hebat ... (R1:A7)
3. Ya. Terima kasih, **sahabat** PKR yang bertanya soal JQAF... (R1:A75)
4. kepada **sahabat** saya **saudara** Adam AMK apa nama Ampang ... (R3:C127)
5. Jadi saya mulakan dengan **sahabat** saya **saudara** aa Shahril dulu ...(R3:200)

Contoh 1-3 di atas menunjukkan penggunaan perkataan *sahabat* tanpa disertai dengan sapaan lain, seperti contoh 4 dan 5. Penggunaan sapaan ini menggambarkan ahli panel berusaha untuk mewujudkan persahabatan dalam kalangan ahli panel.

## v. Sapaan Nama

Sapaan nama merupakan sapaan yang menyebut nama orang yang disapa. Kajian ini melihat nilai kesantunan berkurangan sekiranya sapaan nama ditujukan kepada orang yang telah menerima sebarang gelaran. Hal ini kerana forum merupakan situasi rasmi dan melibatkan komunikasi awam. Oleh itu, penggunaan sapaan nama perlu dikurangkan bagi agar ahli forum sentiasa dilihat menghormati dan menghargai orang lain.

1. Baik, **Radzlan** daripada tadi lagi ni, pening kepala ka layan karenah ... (R3:C62)
2. ... saya tak puas hati **dengan Rafizi** yang masih cakap Jho Low ni ... (R2:B61)
3. ... pertama ini tentang tajuk yang kita pilih. **Silakan Shukri**...(R3:C1).
4. ...soal karakter KJ (Khiry Jamaluddin) saya kena tanya Exco dia ... (R3:C37).
5. saya nak pergi kepada apa ini **Shukri** soalnya tadi, sebab ni ... (R3:C151).

Contoh 2 di atas memperlihatkan sapaan nama yang kurang menepati konsep kesantunan berbahasa. Sapaan *dengan Rafizi* kurang santun kerana Rafizi Ramli merupakan ahli parlimen Ampang. Dengan perkataan lain, beliau hadir dalam forum sebagai wakil rakyat Ampang dengan gelaran Yang Berhormat. Begitu juga dengan contoh 1 di atas, sapaan Radzlan tanpa sebarang gelaran atau sapaan saudara adalah kurang menepati maksud kesantunan berbahasa. Pengkaji mencadangkan agar sapaan saudara dijadikan sebagai satu kod etika dalam forum. Hal ini kerana ia menjadi lambang budaya murni masyarakat Timur. Kajian ini melihat amalan sapaan nama sebagai satu bentuk pelanggaran nilai kesantunan. Oleh itu, ia perlu dikurangkan.

## Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil analisis kekerapan penggunaan sistem sapaan dalam forum Sinar Harian. Sebelum menghurai dan membincangkan satu per satu dapatan rakaman, kajian ini terlebih dahulu menghurai dan membincangkan dapatan kajian secara keseluruhan bagi ketiga-tiga rakaman. Jadual 1 berikut ialah hasil analisis kajian.

**Jadual 1:** Kekerapan Penggunaan Sapaan dalam 3 Rakaman kajian

| Strategi kesantunan         | Rakaman 1  | Rakaman 2  | Rakaman 3  | Jumlah Strategi |
|-----------------------------|------------|------------|------------|-----------------|
| Sapaan Gelaran              | 87         | 137        | 139        | <b>363</b>      |
| Sapaan Umum                 | 10         | 26         | 20         | <b>56</b>       |
| Sapaan Saudara              | 16         | 67         | 41         | <b>124</b>      |
| Sapaan Sahabat              | 4          | 1          | 23         | <b>28</b>       |
| Sapaan Nama                 | 1          | 9          | 28         | <b>38</b>       |
| <b>Kekerapan Ahli Forum</b> | <b>118</b> | <b>240</b> | <b>251</b> | <b>609</b>      |

Berdasarkan jadual di atas, analisis mendapati jumlah keseluruhan penggunaan sapaan dalam tiga forum adalah sebanyak 609 kali. Dari sudut rakaman, rakaman 3 menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 251. Rakaman 2 pula di tempat kedua, dengan jumlah kekerapan 240 kali. Rakaman 1 pula hanya sebanyak 118 kali. Berdasarkan kekerapan ini, pengkaji menyimpulkan rakaman 3 memperlihatkan sapaan tertinggi dan jumlah ini sekali gus menggambarkan kemesraan yang tinggi dalam forum tersebut. Hal ini

kerana sapaan merupakan satu bentuk bahasa yang dapat mewujudkan kemesraan dalam kalangan ahli forum. Dari sudut jenis sapaan, sapaan gelaran berada di tempat pertama dengan jumlah kekerapan sebanyak 363 kali. Rakaman 3 memperlihatkan kekerapan yang tinggi dalam menggunakan sapaan gelaran, iaitu sebanyak 139. Sapaan saudara berada di tempat kedua dengan jumlah kekerapan sebanyak 124 kali. Sapaan umum berada di tempat ketiga dengan jumlah kekerapan sebanyak 56, diikuti oleh sapaan nama, iaitu sebanyak 38 kali. Sapaan sahabat pula berada di kedudukan terakhir, dengan jumlah kekerapan sebanyak 28.

### Dapatan dan Perbincangan Rakaman 1

Rakaman 1 bertajuk *Peranan Ulama Menasihati Pemimpin* dan ahli forum dalam rakaman ini terdiri daripada seorang moderator, tiga ahli panel dan enam orang penyoal. Rakaman ini membahaskan peranan yang perlu dilakukan para ulama. Jadual berikut memperlihatkan kekerapan penggunaan kata sapaan bagi rakaman 1. Jadual 2 menunjukkan lima jenis strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, sapaan sahabat dan sapaan nama. Dari segi kekerapan strategi, sapaan gelaran menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 87, diikuti oleh sapaan saudara dengan jumlah kekerapan sebanyak 16. Sapaan umum pula memperoleh kekerapan sebanyak 10 kali, dan akhir sekali ialah sapaan nama yang hanya satu. Secara keseluruhan, kekerapan ini menggambarkan ahli forum cenderung menyapa antara satu sama lain dengan menggunakan gelaran seseorang. Hal ini juga menunjukkan amalan kesantunan berdasarkan konteks. Konteks forum merupakan situasi rasmi dan oleh itu gelaran yang diterima oleh seseorang disebut dengan jelas oleh ahli forum yang lain.

**Jadual 2:** Lima Strategi Sapaan dalam Rakaman 1

| Strategi Kesantunan         | Moderator (Dr. Maszlee) | Dr. Siddiq Fadzil | Dr. Mohd Asri Asri | Shahrin Shahrin | Penyoal   | Kekerapan Strategi |
|-----------------------------|-------------------------|-------------------|--------------------|-----------------|-----------|--------------------|
| Sapaan Gelaran              | 41                      | 10                | 6                  | 15              | 15        | <b>87</b>          |
| Sapaan Umum                 | 9                       | 1                 | 0                  | 0               | 0         | <b>10</b>          |
| Sapaan Saudara              | 1                       | 4                 | 9                  | 0               | 2         | <b>16</b>          |
| Sapaan Sahabat              | 0                       | 0                 | 1                  | 3               | 0         | <b>4</b>           |
| Sapaan Nama                 | 0                       | 1                 | 0                  | 0               | 0         | <b>1</b>           |
| <b>Kekerapan Ahli Forum</b> | <b>51</b>               | <b>16</b>         | <b>16</b>          | <b>18</b>       | <b>17</b> | <b>118</b>         |

Dari sudut ahli forum, moderator menunjukkan kekerapan tertinggi berbanding ahli forum lain, iaitu sebanyak 51 kali. Beliau lebih cenderung menggunakan tiga jenis sapaan. Strategi sapaan gelaran menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu dengan kekerapan sebanyak 41 kali, diikuti tempat kedua oleh sapaan umum, dengan jumlah 9 kali, dan hanya sekali sapaan saudara. Kekerapan yang tinggi ini disebabkan peranan beliau yang lebih banyak berinteraksi dengan ahli forum yang lain. Ahli forum kedua tertinggi ialah Shahrin, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 18 kali. Beliau lebih cenderung menggunakan dua strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran dan sapaan sahabat. Beliau mengaplikasikan sapaan gelaran sebanyak 15 kali, manakala sapaan sahabat sebanyak tiga kali sahaja. Kecenderungan menggunakan sapaan gelaran dan sahabat menunjukkan beliau mempunyai rasa hormat yang tinggi dan berusaha mewujudkan persahabatan dalam kalangan mereka.

Penyoal menunjukkan kekerapan ketiga tertinggi berbanding ahli forum yang lain, iaitu dengan kekerapan sebanyak 17 kali. Penyoal lebih cenderung menggunakan dua strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran dan sapaan saudara. Penyoal mengaplikasikan strategi sapaan gelaran sebanyak 15 kali, dan hanya dua kali sapaan saudara. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa penyoal menghormati dan menghargai gelaran yang diterima oleh seseorang. Dr. Siddiq Fadzil dan Dr. Mohd Asri menunjukkan jumlah kekerapan yang sama, iaitu masing-masing 16 kali. Namun demikian, kecenderungan mereka menggunakan strategi sapaan adalah berlainan. Dr. Siddiq Fadzil mengaplikasikan empat strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, dan sapaan nama. Strategi sapaan gelaran memperoleh bilangan tertinggi, iaitu 10 kekerapan, diikuti oleh sapaan saudara sebanyak 4 kekerapan. Strategi sapaan umum dan sapaan nama masing-masing sekali kekerapan. Kecenderungan penggunaan sapaan gelaran dan saudara menunjukkan bahawa beliau menghormati dan menghargai gelaran yang diterima oleh seseorang. Hal ini juga memperlihatkan bahawa beliau cenderung kepada pembentukan saudara dalam forum tersebut.

Dr. Mohd Asri pula mengaplikasikan tiga jenis sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan saudara dan sapaan sahabat. Data kajian menunjukkan Dr. Mohd Asri lebih cenderung menggunakan sapaan saudara, iaitu sebanyak 9 kali, kemudian diikuti oleh sapaan gelaran, sebanyak 6 kali, manakala sapaan sahabat hanya sekali. Hal ini menunjukkan bentuk kecenderungan yang berbeza antara Dr. Siddiq Fadzil dan Dr. Mohd Asri. Pengkaji menyimpulkan bahawa ahli forum lebih cenderung menggunakan sapaan gelaran. Hal ini menunjukkan bahawa ahli forum dalam rakaman 1 sentiasa menghormati dan menghargai gelaran yang diterima oleh seseorang. Sapaan nama yang hanya diamalkan sekali menunjukkan ahli forum saling menghormati antara satu sama lain.

### Analisis dan Perbincangan Rakaman 2

Rakaman 2 bertajuk *Apa di Sebalik IMDB?* dan forum ini membahaskan isu pengurusan IMDB. Ahli forum ini terdiri daripada seorang moderator, tiga ahli panel, dan lapan penyoal. Jadual berikut ialah hasil analisis terhadap lima strategi sapaan yang wujud dalam rakaman Apa Di Sebalik IMDB.

**Jadual 3:** Lima Strategi Sapaan dalam Rakaman 2

| Strategi Kesantunan         | Moderator (Dr. Maszlee) | Prof. Azmi | Dato Khairul | YB. Rafizi Ramli | Penonton/ Penyoal | Kekerapan Strategi |
|-----------------------------|-------------------------|------------|--------------|------------------|-------------------|--------------------|
| Sapaan Gelaran              | 37                      | 34         | 15           | 30               | 21                | <b>137</b>         |
| Sapaan Umum                 | 6                       | 0          | 6            | 11               | 3                 | <b>26</b>          |
| Sapaan Saudara              | 6                       | 0          | 48           | 12               | 1                 | <b>67</b>          |
| Sapaan Sahabat              | 0                       | 0          | 1            | 0                | 0                 | <b>1</b>           |
| Sapaan Nama                 | 5                       | 0          | 4            | 0                | 0                 | <b>9</b>           |
| <b>Kekerapan Ahli Forum</b> | <b>54</b>               | <b>34</b>  | <b>74</b>    | <b>53</b>        | <b>25</b>         | <b>240</b>         |

Berdasarkan jadual di atas, rakaman 2 menunjukkan kekerapan sebanyak 240 kali. Dari segi kekerapan strategi, jumlah tertinggi yang diaplikasikan oleh ahli forum ialah sapaan gelaran,



iaitu sebanyak 137 kali, kemudian sapaan saudara sebanyak 67 kali. Tempat ketiga tertinggi pula ialah sapaan umum, manakala sapaan nama di tempat keempat dengan jumlah kekerapan sebanyak 9 kali. Sapaan sahabat turut diaplikasikan tetapi hanya sekali. Hal ini menunjukkan bahawa ahli forum dalam rakaman 2 turut memberi kecenderungan yang sama dengan rakaman 1, iaitu kecenderungan terhadap penggunaan strategi sapaan gelaran. Keadaan ini menggambarkan bahawa ahli forum dalam rakaman 2 sentiasa menghormati dan menghargai gelaran yang dimiliki seseorang. Strategi sapaan saudara berada di tempat kedua, dengan jumlah kekerapan sebanyak 67 kali. Kekerapan sapaan saudara ini memperlihatkan ahli forum lebih cenderung kepada sifat-sifat persaudaraan. Jenis sapaan lain tidak dominan, iaitu sapaan nama, dan sapaan sahabat.

Dari sudut ahli forum, kajian mendapati Datuk Khairul menggunakan sistem sapaan tertinggi, iaitu sebanyak 74 kali. Beliau mengaplikasikan kelima-lima strategi yang disenaraikan di atas. Datuk Khairul menggunakan sapaan saudara sebanyak 48 kali, sapaan gelaran sebanyak 15 kali. Selain itu, beliau turut mengaplikasikan sistem sapaan umum sebanyak 6 kali, dan 4 kali sapaan nama. Hal ini menunjukkan bahawa Datuk Khairul lebih cenderung menggunakan sapaan saudara dan sekali gus menggambarkan sifat persaudaraan dalam diri beliau. Hal ini hampir tiga kali ganda lebih tinggi berbanding sapaan gelaran.

Kekerapan kedua tertinggi ialah moderator, dengan jumlah kekerapan sebanyak 54 kali, dan beliau mengaplikasikan empat strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, dan sapaan nama. Berdasarkan data kajian, beliau cenderung menggunakan sapaan gelaran, iaitu sebanyak 37 kali. Sapaan umum, sapaan saudara, dan sapaan nama masing-masing jumlah kekerapan adalah sebanyak 6, 6 dan 5. Kekerapan yang tinggi ini disebabkan moderator lebih banyak berinteraksi dengan ahli panel dan penonton. Jumlah ini hampir sama dengan kekerapan YB Rafizi Ramli. YB Rafizi Ramli hanya mengaplikasikan tiga jenis strategi sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum dan sapaan saudara. Daripada tiga strategi ini, data kajian menunjukkan kecenderungan YB Rafizi Ramli menggunakan sapaan gelaran, iaitu sebanyak 30 kali. Jumlah ini menunjukkan YB Rafizi menghormati dan menghargai gelaran yang dimiliki oleh seseorang. Jumlah kekerapan sapaan umum dan sapaan saudara adalah masing-masing 11 dan 12 kali. Keadaan ini menggambarkan bahawa sikap YB Rafizi dalam sistem sapaan adalah seimbang.

Prof. Azmi pula berada di tempat ketiga dengan hanya mengaplikasikan sapaan gelaran, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 34 kali. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa beliau sangat menghormati dan menghargai gelaran-gelaran yang dimiliki oleh seseorang. Lapan penyoal dalam rakaman ini juga memperlihatkan kecenderungan sapaan gelaran. Pengkaji menyimpulkan bahawa rakaman 2 memperlihatkan kecenderungan yang sama dengan rakaman 1, iaitu kecenderungan terhadap sapaan gelaran. Kemudian diikuti oleh sapaan saudara, iaitu strategi sapaan yang melambangkan sikap persaudaraan dalam kalangan mereka.

### **Rakaman 3**

Rakaman 3 ini bertajuk *Politik: Perjuangan atau Populariti*. Forum ini terdiri daripada seorang moderator, empat ahli panel, dan tiga orang penyoal. Secara umumnya, forum ini membahaskan kaedah berpolitik. Berdasarkan jadual 4 di bawah, kajian ini mendapati jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan strategi sapaan adalah sebanyak 251 kali. Dari segi jumlah kekerapan strategi, strategi sapaan gelaran menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 139 kali. Tempat kedua ialah sapaan saudara, iaitu sebanyak 41 kali. Kemudian,

diikuti oleh sapaan nama dengan jumlah kekerapan sebanyak 28 kali. Sapaan sahabat dan sapaan saudara masing-masing dengan kekerapan sebanyak 23 dan 20. Secara keseluruhannya, pola kekerapan di atas menunjukkan bahawa ahli panel lebih cenderung menggunakan sapaan gelaran. Hal ini menggambarkan sikap ahli forum yang sentiasa menghormati dan menghargai gelaran yang dimiliki oleh seseorang. Selain itu, tempat ketiga ialah sapaan nama, dengan jumlah kekerapan sebanyak 28 kali. Hal ini kurang menepati konsep kesantunan berbahasa kerana forum merupakan perbincangan rasmi dan melibatkan perhubungan awam. Jadual 4 turut menunjukkan kecenderungan terhadap sikap persahabatan dalam kalangan ahli forum kerana adanya strategi sapaan sahabat.

**Jadual 4:** Hasil Analisis Strategi Sapaan Rakaman 3

| Strategi Kesantunan         | Moderator  | Dr. Syukri | Datuk Jamal | Shahril   | Radzlan   | Penyoal   | Kekerapan Strategi |
|-----------------------------|------------|------------|-------------|-----------|-----------|-----------|--------------------|
| Sapaan Gelaran              | 59         | 14         | 16          | 23        | 15        | 12        | <b>139</b>         |
| Sapaan Umum                 | 9          | 3          | 2           | 1         | 5         | 0         | <b>20</b>          |
| Sapaan Saudara              | 13         | 3          | 19          | 1         | 3         | 2         | <b>41</b>          |
| Sapaan Sahabat              | 2          | 0          | 14          | 0         | 7         | 0         | <b>23</b>          |
| Sapaan Nama                 | 19         | 1          | 1           | 0         | 6         | 1         | <b>28</b>          |
| <b>Kekerapan Ahli Forum</b> | <b>102</b> | <b>21</b>  | <b>52</b>   | <b>25</b> | <b>36</b> | <b>15</b> | <b>251</b>         |

Dari sudut kekerapan ahli forum, moderator memperlihatkan kekerapan tertinggi, iaitu 102 dan beliau mengaplikasikan semua strategi sapaan. Ini menunjukkan bahawa beliau mempelbagaikan sistem sapaan. Hal ini selari dengan tugas beliau sebagai perantara. Beliau lebih banyak berinteraksi dengan ahli forum yang lain, termasuklah kepada penonton. Oleh sebab itu, beliau banyak menggunakan strategi sapaan. Daripada lima jenis sapaan yang digunakan, beliau lebih cenderung menggunakan sapaan gelaran. Dengan perkataan lain, beliau menghormati gelaran-gelaran yang dimiliki oleh ahli forum. Moderator dalam rakaman ini menggunakan sapaan gelaran sebanyak 59 kali. Hal ini menunjukkan amalan kesantunan bahasa yang tinggi. Beliau juga banyak menggunakan sapaan nama, iaitu dengan kekerapan sebanyak 19 kali. Ini memperlihatkan moderator sebagai orang mesra kepada ahli panel.

Datuk Jamal berada di tempat kedua tertinggi dalam penggunaan strategi sapaan. Beliau mengaplikasikan strategi ini sebanyak 52 kali dan mengamalkan semua jenis sapaan. Strategi sapaan yang tertinggi ialah sapaan saudara, kemudian diikuti oleh sapaan gelaran. Beliau juga cenderung menggunakan sapaan sahabat, iaitu sebanyak 14 kali. Secara umumnya, kajian ini menyimpulkan bahawa Datuk Jamal lebih cenderung menggunakan tiga strategi sapaan utama, iaitu sapaan gelaran, sapaan saudara dan sapaan sahabat. Beliau tidak terlalu gemar menggunakan sapaan nama atau sapaan umum. Radzlan berada di tempat ketiga, iaitu dengan keseluruhan sebanyak 36 kali. Beliau mengaplikasikan semua strategi. Beliau juga lebih cenderung menggunakan sapaan gelaran, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 15 kali, manakala kekerapan strategi lain adalah antara 3-7. Hal ini memperlihatkan beliau kurang menggunakan sapaan berbanding dengan Datuk Jamal. Dr. Syukri turut kurang mengamalkan strategi sapaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh beliau terlalu fokus kepada isi yang hendak dikemukakan sehingga kurang menyebut sapaan-sapaan kepada pendengar.

Penonton juga memperlihatkan pola yang sama, iaitu lebih banyak menggunakan sapaan gelaran.

## Kesimpulan

Sistem sapaan yang digunakan dalam komunikasi merupakan salah satu penanda kesantunan berbahasa. Dalam konteks ini, kajian ini merumuskan bahawa nilai kesantunan berbahasa dalam forum Wacana Sinar Harian adalah sangat tinggi. Berdasarkan kerangka konsep yang digunakan, kajian telah mengenal pasti lima jenis sapaan, iaitu sapaan gelaran, sapaan umum, sapaan saudara, sapaan sahabat, dan sapaan nama. Penggunaan sistem sapaan gelaran yang tertinggi, seperti sapaan *datuk*, *Dr*, *Yang Berhormat*, *Tun* dan sebagainya memperlihatkan sikap ahli forum yang lebih cenderung menghormati status sosial seseorang. Sapaan gelaran menunjukkan sikap menghormati dan menghargai gelaran-gelaran yang diterima oleh seseorang. Selain itu, sistem sapaan saudara yang berada di tempat kedua tertinggi melambangkan sikap yang cenderung melihat ahli forum lain sebagai saudara. Dalam konteks forum, sistem sapaan saudara menggambarkan forum sebagai satu medium perbincangan yang bersifat persaudaraan.

## Ucapan Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor kerana mendanai penyelidikan ini. Semoga KUIS sentiasa berjaya dan terus diberkati oleh-Nya.

## Bibliografi

- Abd Ganing Laenggang, 2010. *Kesantunan Bahasa dalam Ceramah Motivasi*. Ijazah Sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asmah Hj Omar, 2000. *Wacana, Perbincangan, Perbincangan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P., dan Levinson, S., 1987. *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Endang Susilawati, 2016. *Kata Panggilan Dalam Komuniti Bahasa Melayu Sambas Di Kalimantan Barat: Sistem dan Konteks*. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kalthum Ibrahim & Sabariah Mohd Ghani, 2016. Kata Panggilan Kekeluargaan oleh Mahasiswa dari Pantai Timur Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Linguistik* Vol. 20 (1) Jun.2016 (001-009).
- Khadijah Ibrahim, 1993. *Politeness in Malay Directive*. Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Marlyna Maros, Aslinda John, & Mohd Baharim Mydin. 2010. Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sociopragmatik dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 10:2, 2010.

- Mustafa Hj Daud, 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, 2005. *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati A. Rashid, 2006. *Perkembangan Pengkajian Kesantunan: Satu Tinjauan* dlm. *Jurnal Bahasa* 6:4, hlm. 657-678, Disember 2006.
- Suraiya Mohd. Ali, 1998. "Linguistic Politeness in Intercultural Communications: A Study of Conversational Interactions between Malay and Japanese in Tokyo". Tesis Ph. D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Wan Aminurrashid, 2002. *Etiket Islam: Panduan Sopan Santun*. Pahang: PTS Publication & Distribution.
- Watts, Richard J. (2003). *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.

## Lampiran 1: Iklan Poster Rakaman

### Rakaman 1: Peranan Ulama Menasihati Pemimpin

**WACANA Sinar SIRI 15**

Pemimpin perlu ditegur jika kita yang arif mengenai sesuatu perkara tahu akan kesilapan yang dibuat. Justeru dalam banyak kesilapan yang dilakukan mereka, di manakah suara-suara golongan ulama dalam menasihatnya. Kita ikuti apa kata ulama dalam isu ini.

# PERANAN ULAMA MENASIHATI PEMIMPIN

• 23 Oktober 2012 (Selasa) • 3.00 petang  
• Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangkraf Lot 2, Jalan Sepena 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam

**PANEL:**  
Ybng Dato' Dr Siddiq Fadzil  
Bekas Presiden ABIM / Presiden WADAH  
Ybng Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin  
Bekas Mufti Perlis  
Sdr Syahrin Md Jamaludin  
Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pengurus Biro IPT Malaysia

Bersama Moderator: **DR MASZLEE MALIK**  
Penyarah di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Komunikasikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIAM)

Anjuran: **Sinar** Penyiar rasmi: **astro AWANI** **suara.com**

**SIDDIQ** **ASRI** **SYAHRIN**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR MASUK PERCUMA TEMPAT DUDUK TERHAD** Hubungi untuk pendaftaran—019-3310211 (Laila), 019-2808492 (Fazli), 019-3371066 (Pini)

### Rakaman 2: Apa Di Sebalik 1MDB

**WACANA Sinar SIRI 35**

1Malaysia Development Berhad (1MDB) mencetuskan pelbagai persepsi di kalangan pemerhati ekonomi dan politik tanah air. Pelaburan yang besar yang didakwa menggunakan wang negara masih belum pasti untung ruginya. Wacana Sinar akan mengupas isu ini.

# APA DI SEBALIK 1MDB?

• Tarikh: 18 Mac 2015 (RABU)  
• Masa: 2.45pm – 5.00pm  
• Tempat: Auditorium, Kompleks Kumpulan Media Karangkraf Seksyen 15, Shah Alam

**PANEL:**  
YB Rafizi Ramli  
(Nah Presiden PKR)  
Datuk Khairul Anwar Rahmat  
(Pengurus SukaGuan Malaysia)  
Prof Madya Azmi Hassan  
(Penyarah Universiti Teknologi Malaysia)

Moderator: **Dr Maszlee Malik**  
Pengasas Institut PENA akademik (UIA)

**MASUK PERCUMA. SEMUA DIJEMPUT HADIR** Hubungi 019-3310211 (Laila), 019-2808492 (Fazli), 019-3371066 (Nurkhairini) untuk hadir ke wacana ini

Rakam penyiar rasmi: **SINARTV Sinar Online** [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

Rakaman 3: Politik: Perjuangan Atau Populariti

**SEMUA DIUNDANG  
HADIR KE WACANA INI**

**WACANA**  
**Sinar SIRI 45**

# **POLITIK: PERJUANGAN ATAU POPULARITI**

Tarikh: 23 FEBRUARI 2017 (KHAMIS) Masa: 2.45 PM - 4.45 PM Tempat: AUDITORIUM KOMPLEKS KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF SDN BHD

**PANEL:**

- DATUK SERI JAMAL MD YUNOS**  
*(Ketua UMNO Bahagian Sempai Besar)*
- SDR MOHD RADZLAN JALALUDIN**  
*(Naib Ketua AMK Malaysia)*
- SDR SHAHRIL HAMDAN**  
*(Exco Pemuda UMNO Malaysia)*
- SDR MD SHUKRI SHUIB**  
*(Pensyarah kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia)*

Moderator:  
**DATUK DAHLAN MAAMOR**

Saksikan secara langsung di **SINAR TV Sinar**  
www.sinar.tv www.sinarhd.com.my

HUBUNGI 019-3310211 (LAILA), 019-2808492 (FAZLI), 012-6916231 (HASHIM) UNTUK HADIR KE WACANA INI